

OPOSISI DIBIDAS

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas parti lawan yang menimbulkan isu 3M semata-mata untuk kepentingan politiknya dan bukan bagi kepentingan pelajaran atau kaum.

Perdana Menteri juga kesal dengan sikap "sebuah parti lain" yang "terperangkap dengan cita-cita parti lawan itu".

Berucap merasmikan kursus penerangan UMNO yang dihadiri oleh kira-kira 300 ahli UMNO dari seluruh bahagian di Ibu Pejabat UMNO di sini, beliau menegaskan:

"Kita sanggup berhadapan dengan sesiaapa saja yang menegur

atau ingin membetulkan perkara-perkara yang tidak betul. Bagaimanapun, saya kecewa kerana parti lawan menjadikan isu satu perkara yang tidak sepatutnya dijadikan isu.

"Soal 3M umpamanya dijadikan isu perkauman bagi kepentingan politik sesebuah parti politik dan bukannya bagi kepentingan pelajaran atau kaum.

"Dan, malangnya sebuah parti politik lain telah terpengaruh dengan cita-cita parti lawan itu."

Perdana Menteri, yang kelihatan tenang tetapi serius, bagaimanapun tidak menyebut nama parti berkenaan tetapi para pemerhati politik berpendapat beliau merujuk

kepada "rakan kongsi kanan" UMNO dalam BN.

Ini juga merupakan kali kedua Datuk Seri Dr. Mahathir menyelar parti-parti politik yang sengaja menipui api perkauman berhubung dengan pelaksanaan sistem 3M di dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR).

Akhir bulan lalu, Perdana Menteri memberi amaran keras kepada "golongan tertentu" bahawa kerajaan akan bertindak tegas terhadap mereka jika didapati kegiatan mereka telah sampai ke peringkat yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

Menurut beliau, kerajaan mengenali "tokoh-tokoh" berkenaan dan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan

tegas terhadap mereka.

Selanjutnya, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, parti-parti lawan selain dari itu turut menimbulkan isu-isu lain bagi mengelirukan fikiran rakyat.

"Kita juga menghadapi tindakan parti lawan yang cuba menimbulkan keraguan rakyat terhadap kerajaan.

"Ada pihak yang mengatakan kononnya kerajaan tidak adil terhadap setengah kaum di negara ini," tegasnya.

Bagaimanapun, jelas Perdana Menteri, "keadaan ini" kini telah reda dan beliau lalu mengingatkan ahli-ahli UMNO jangan mudah melatah dalam menghadapi "tindakan" parti lawan.